

**PARTI ISLAM SA-MALAYSIA:
KEPIMPINAN DAN PERJUANGAN DARI TAHUN
1951 HINGGA 1970**

ISMAIL BIN SAID

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2008

**PARTI ISLAM SA-MALAYSIA:
KEPIMPINAN DAN PERJUANGAN DARI TAHUN 1951 HINGGA 1970**

oleh

ISMAIL BIN SAID

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

MEI 2008

PENGAKUAN

Saya akui tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

21 MEI 2008

ISMAIL BIN SAID
P-OD0007/04(R)

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Segala pujian bagi Allah SWT, Salawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW dan keluarga, para sahabat dan para pejuang yang banyak berkorban demi menegakkan Islam di muka bumi ini

Pengkaji bersyukur kepada Allah kerana dengan limpah kurniaNya kajian ini berjaya disiapkan. Dalam usaha menyiapkan kajian ini, pengkaji banyak terhutang budi kepada semua pihak yang memberi bantuan dan kerjasama. Di kesempatan ini, pengkaji merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan khas kepada Profesor Madya Dr Mohd. Isa Othman selaku penyelia pertama, Dr Abdul Rahman Abdullah (bersara pada Ogos 2007) dan Dr. Azlizan Mat Enh (menggantikan Dr. Abdul Rahman Abdullah) Penyelia Kedua kajian ini yang telah meluangkan banyak masa memberi bimbingan serta pandangan. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih ditujukan kepada Profesor Madya Dr. Haji Ahmad Jelani bin Halimi dan seluruh kakitangan di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia. Juga ucapan terima kasih kepada Profesor Dr. Nik Anuar Nik Mahmud atas pandangan dan saranan semasa berdiskusi secara tidak langsung di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur ketika pengkaji membuat penyelidikan di Arkib Negara Malaysia tempoh hari.

Tidak ketinggalan juga diucapkan terima kasih kepada kakitangan Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia, kakitangan Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Seri Lanang dan Pusat Sumber Pusat Pengajian Sejarah, Sains Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, Perpustakaan Awam Kedah, Kedah Darul Aman, Perpustakaan Awam Perlis, Perlis, kakitangan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur terutamanya kakitangan di Dewan Penyelidikan, Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah/Perlis dan Arkib Negara Malaysia Cawangan Terengganu/Pahang di atas sumbangan dan kerjasama yang telah diberikan. Juga ucapan terima kasih kepada semua kakitangan di Jabatan Arkib, Markas Tarbiyah PAS Pusat, Taman Melewar, Pusat Penyelidikan PAS Pusat, Pejabat Perhubungan PAS Negeri Kedah, Pejabat Perhubungan PAS Negeri Perlis, Ustaz Subky Latif, Ustaz Hassan Shukri, Cikgu Abdul Wahab Rahman, Tuan Haji Mahmud dan seluruh keluarga Allahyarham Dr. Burhanuddin al-Helmi di atas kesudian mereka meluang masa untuk ditemubual dan memberi maklumat yang amat berguna kepada pengkaji. Di kesempatan ini juga pengkaji mengucapkan ribuan terima kasih tidak terhingga kepada Tuan Haji Saari Sungib dan Encik Kamarulzaman Yusof kerana menolong pengkaji mendapatkan beberapa bahan penting untuk dimuatkan dalam kajian ini.

Kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberi motivasi diucapkan terima kasih terutamanya kepada Ramli Ismail (Pensyarah Institut Perguruan Sultan Mizan, Besut), Saudara Muzammil, Cikgu Azman, En.Latfi

dari Jabatan Bahasa, Institut Perguruan Perlis, Perlis dan beberapa orang lain yang tidak dapat disebutkan nama mereka di sini. Ucapan terima kasih juga kepada penaja iaitu Bahagian Biasiswa, Kementerian Pelajaran Malaysia, bekas Pengarah Institut Perguruan Perlis, En. Ariffin Yahaya, Timbalan Pengarah, Dr. Hamzah Ihsan, bekas Ketua Jabatan Ilmu Pendidikan, Tuan Haji Mohd Yaacob Ibrahim dan Ketua Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan Profesionalisme, Dr. Chow Fook Meng dan seluruh warga Institut Perguruan Perlis, Perlis. Juga ucapan terima kasih kepada guru-guru sejarah pengkaji (1981-1988) di SMK Ayer Hitam, Kedah terutamanya Cikgu Muhamad Abdullah, kini Pengetua SMK Bukit Kayu Hitam, Cikgu Rosli Ismail, kini Pegawai Pelajaran Daerah Kubang Pasu, Ustaz Kassim, guru sejarah Islam dan Cikgu Abdul Rahim, kini Pengetua SMK Tanjung Pauh, Jitra. Terima kasih tidak terhingga Cikgu. Kepada mak dan ayah juga terima kasih. Seterusnya untuk isteri tercinta, Rosadah Binti Nik Ali ucapan terima kasih tidak terhingga atas kesabaran dan pengorbanan yang telah dilakukan. Kepada anak-anak yang dikasihi, Nurul Syazwani, Fatin Munirah, Firdaus Hafizi dan Faiz Najmi jadikanlah tuntutan menuntut ilmu itu sebagai pegangan hidup kerana Saidina Ali pernah mengungkapkan, "**semakin tinggi seseorang insan itu belajar semakin banyak yang dia tidak ketahui**", belajarlah selagi berkesempatan. Juga kepada anakanda yang terlebih dahulu menemui Allah, al-Fatihah. Akhir sekali, terima kasih tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan kajian ini.

ISMAIL BIN SAID
INSTITUT PERGURUAN PERLIS, PERLIS

SUSUNAN KANDUNGAN

	Muka surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
SUSUNAN KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI SINGKATAN	x
DAFTAR LAMPIRAN	xiii
ABSTRAK	xvi
ABSTRACT	xviii
BAB SATU : PENDAHULUAN	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Objektif Kajian	2
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Metodologi	4
1.4 Skop Kajian	5
1.5 Kepentingan Kajian	6
1.6 Kajian Lepas	7
1.7 Masalah Penyelidikan	21
1.8 Konsep Kepimpinan	21
1.9 Kepimpinan Ulama	39
1.10 Perkembangan Awal Semangat Kebangsaan di Malaysia	44
BAB DUA : SEJARAH PENUBUHAN PAS DAN KEPIMPINAN PAS	69
2.0 Pengenalan	69
2.1 Asas-asas Kebangkitan PAS	71
2.2 Matlamat Perjuangan PAS	85

2.3 Organisasi PAS dan Kepimpinan PAS	94
BAB TIGA : KEPIMPINAN DAN PERJUANGAN PAS ERA TUAN HAJI AHMAD FUAD HASSAN (1951-1953) DAN Dr. ABBAS ALIAS (1953-1956)	101
3.0 Pengenalan	101
3.1 Perjuangan PAS Di bawah Kepimpinan Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan (1951-1953)	110
3.1.1 Muktamar Pertama PAS	110
3.1.2 Muktamar Kedua PAS	113
3.1.3 Perletakan Jawatan Sebagai Yang Dipertua Agung PAS	115
3.2 Perjuangan PAS Di bawah Kepimpinan Dr. Abbas Alias (1953-1956)	118
3.2.1 Muktamar Ketiga PAS	118
3.2.2 Penubuhan ranting PAS	120
3.2.3 Pilihanraya 1955	121
BAB EMPAT : KEPIMPINAN DAN PERJUANGAN PAS ERA Dr.BURHANUDDIN AL-HELCMI (1956-1969)	135
4.0 Pengenalan	135
4.1 Perlantikan Sebagai Yang Dipertua Agung PAS	154
4.2 Perjuangan PAS Di bawah Kepimpinan Dr.Burhanuddin al-Helmi (1956-1969)	169
4.2.1 Tentangan Terhadap Suruhanjaya Reid	169
4.2.2 Pilihanraya Tahun 1959	190
4.2.3 Memimpin Wakil-Wakil Rakyat PAS di Parlimen	199
4.2.4 Pilihanraya 1964	236
4.2.5 Pilihanraya 1969	248
4.2.6 Krisis Politik Terengganu	264
4.3 Penahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri	272
BAB KELIMA : KESIMPULAN	283

Rujukan	291
Lampiran	319

SENARAI JADUAL

Muka surat

JADUAL 3.1	Parti Yang Bertanding Dalam Pilihanraya 1955	125
JADUAL 3.2	Keputusan Pilihanraya 1955	128
JADUAL 4.1	Agihan Pengundi Mengikut Kaum Bagi Tahun 1955 dan 1959	181
JADUAL 4.2	Pilihanraya Tahun 1959 Pembahagian Pengundi Mengikut Kaum	191
JADUAL 4.3	Agihan Calon Mengikut Kaum Pilihanraya 1959	193
JADUAL 4.4	Agihan Kerusi Parlimen Pilihanraya Tahun 1964	237
JADUAL 4.5	Agihan Kerusi DUN Pilihanraya Tahun 1964	239
JADUAL 4.6	Agihan Calon Mengikut Parti Bagi Kerusi Parlimen Pilihanraya 1969	250
JADUAL 4.7	Agihan Calon Mengikut Parti Bagi Kerusi DUN	250
JADUAL 4.8	Agihan Kerusi Parlimen dan DUN Mengikut Negeri	251
JADUAL 4.9	Hutang Negeri-Negeri di Malaysia	255
JADUAL 4.10	Calon-calon PAS yang Memenangi Pilihanraya 1969 Bagi Parlimen	261
JADUAL 4.11	Calon-calon PAS yang Memenangi Pilihanraya 1969 Bagi DUN	261

SENARAI SINGKATAN

AJK	Ahli Jawatan Kuasa
AMCJA	<i>All Malayan Council of Joint Action</i>
API	Angkatan Pemuda Insaf
AWAS	Angkatan Wanita Sedar
CLC	<i>Communities Liaison Committee</i>
DAP	<i>Democratic Action Party</i>
Dr.	Doktor Perubatan
DUN	Dewan Undangan Negeri
FAMA	<i>Federal Agricultural Marketing Authority</i>
GERAKAN	Gerakan Rakyat Malaysia
HAMIM	Hizbul Muslimin
ISA	<i>Internal Security Act / Akta Keselamatan Dalam Negeri</i>
KMM	Kesatuan Melayu Muda
KRIS	Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung
LEPIR	Lembaga Pendidikan Rakyat

MARA	Majlis Amanah Rakyat
MATA	Majlis Tertinggi Agama
MCA	<i>Malayan Chinese Association</i>
MCKK	<i>Malay Collage Kuala Kangsar</i>
MCP	<i>Malayan Communist Party</i>
MIC	<i>Malayan Indian Congress</i>
MPAJA	<i>Malayan People Anti Japanese Army</i>
PAP	<i>People Action Party</i>
PARKAM	Persatuan Anak-Anak Rakyat Kalimantan Malaya
PAS	Persatuan Islam Sa-Tanah Melayu / Parti Islam Sa-Malaysia
PASPAM	Persaudaraan Sahabat Pena Malaya
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PEPERMAS	Pusat Perekonomian Melayu SeMalaya
PERMATA	Persatuan Muslimin Tanahair
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PLO	Pertubuhan Pembebasan Palestin

PMIP	<i>Pan Malayan Islamic Party</i>
PN	Parti Negara
PPP	<i>People Progresif Party</i>
PRM	Parti Rakyat Malaya
PUM	Persatuan Ulama Malaysia
PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat
SB	<i>Special Branch</i>
SF	<i>Socialist Front</i>
SITC	<i>Sultan Idris Training Collage</i>
UDP	<i>United Democratic Party</i>
UMCO	<i>United Malaysia Chinese Organisation</i>
UMNO	<i>United Malay National Organisation</i>
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
YDA	Yang Dipertua Agung

DAFTAR LAMPIRAN

	Muka surat
1	Pengertian Ulama PAS
2	Surat Kuasa Penuh Kepada Ibrahim Yaakob
3	Abdullah Fahim-Penggerak Awal Penubuhan PAS
4	Pendaftaran PAS
5	Kebenaran Menukar Nama PAS
6	Surat-Surat Memujuk Dr. Burhanuddin Menjadi Ahli dan Yang Dipertua Agung PAS
7	Dr. Burhanuddin Menandatangi Form Masuk PAS
8	Surat Haji Hassan Adli Kepada Setiausaha Agung PAS
9	Surat Haji Hassan Adli : Soal Penting Pengangkatan Dr. Burhanuddin Sebagai Presiden PAS
10	Surat Perlantikan Menteri Besar Terengganu
11	Penyata Resmi Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Terengganu
12	Ulasan Terhadap Penyata Perlembagaan Suruhanjaya Reid
13	Suruhanjaya Reid
14	Respon UMNO Pulau Pinang Terhadap Suruhanjaya Reid
15	Penyata Bilangan Ahli PAS

16	Soal Kebangsaan Melayu	365
17	Pelajaran dan Masa Depan Orang Melayu	367
18	Cadangan PAS Tentang Agama Islam Sebagai Agama Rasmi Persekutuan	374
19	Kenyataan Khir Johari Untuk Mengharamkan Parti Pembangkang Yang Tidak Tolong Meninggikan Imej Demokrasi	375
20	Keratan Akhbar Tuduhan Terhadap Haji Hassan Adli	377
21	Arahan dan Keterangan Berhubungan Dengan Hal Tanah Di Terengganu	378
22	Ra'ayat Menggugat : Perbahasan Rang Undang-Undang Bahasa Kebangsaan di Dewan Raayat Malaysia	380
23	Bahan Penerangan dan Ceramah PAS Bagi Menghadapi Pilihanraya	395
24	Menafi Tuduhan	396
25	Petikan Daripada Buku Panduan Khemah Kerja Tahan Lasak Peringkat Kebangsaan	397
26	Syor Atas Perkara Menghadapi Kegentingan Kerajaan PAS Terengganu	398
27	Peraturan dan Panduan Khemah Kerja Tahan Lasak Pemuda UMNO	402
28	Kenyataan Setiausaha Agung PRM	415
29	Draf Rang Undang-Undang Bahasa Kebangsaan 1967	417
30	Pakatan Khianat Pecah : Tuduhan Rancangan Mendirikan Kerajaan Buangan	420
31	Hal-Hal Tahanan	438

PARTI ISLAM SA-MALAYSIA: KEPIMPINAN DAN PERJUANGAN DARI TAHUN 1951 HINGGA 1970

ABSTRAK

Kajian ini cuba melihat sejarah perjuangan PAS menuntut kemerdekaan dan mengisi kemerdekaan negara bangsa dan kepimpinan tokoh-tokoh awal PAS. Dalam usaha menyoroti sejarah perjuangan ini, analisis sebab kebangkitan semangat kebangsaan di kalangan orang-orang Melayu turut dikaji terutamanya dengan memfokuskan perbincangan kepada peranan yang dimainkan oleh golongan intelekt Islam di Timur Tengah. Golongan ini telah menjana pemikiran atau idea membebaskan diri, bangsa dan negara dari kemunduran dan cengkaman pihak-pihak penjajah. Kelahiran PAS jelas ada kaitan dengan perjuangan golongan agama terdahulu.

Kajian ini juga menumpukan kepada usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan, Dr. Abbas Alias dan Dr. Burhanuddin al-Helmi dan pimpinan PAS yang lain menuntut kemerdekaan negara dan membela nasib orang Melayu sebelum merdeka dan sesudah merdeka. Perjuangan dan pembelaan ini dilakukan melalui pelbagai cara dan pendekatan. Dapatan kajian ini menjawab andaian bahawa PAS tidak memperjuangkan kemerdekaan negara dan tidak membela nasib orang Melayu dan agama Islam. Malah dalam tempoh kajian ini, ketiga-tiga tokoh ini bukan sahaja berjuang menuntut kemerdekaan dan membela nasib orang Melayu dan agama Islam, mereka juga menyuarakan kepentingan umat Islam sejagat terutamanya di Palestin, Selatan Thailand dan di Afrika Selatan.

Kajian ini cuba melihat gaya kepimpinan yang diamalkan oleh ketiga-tiga tokoh awal ini. Dengan kepimpinan yang diamalkan, mereka telah berjaya membangunkan PAS menjadi sebuah parti yang berjaya dalam tempoh dua dekad awal ini.

MALAYSIA ISLAMIC PARTY: LEADERSHIP AND STRUGGLES 1951 UNTIL1970

ABSTRACT

This study examines PAS's historical struggles to claim independence from the point of views of early PAS leaders. In the effort to reflect on the struggles, an analysis of the spirit of nationalistic uprising among the Malays was also done focusing on the roles played by Islamic intellectuals in the Middle East. These intellectuals have generated thoughts and ideas of freeing the people and nation from poverty and foreign intruders. It was clear that the birth of PAS has connection with the early religious groups.

This study also focuses on the efforts done by Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan, Dr. Abbas bin Alias and Dr. Burhanuddin al-Helmi and other PAS leaders who had fought for independence and support for the livelihood of the Malays before and after independence. Their struggles and support were done through various means and approaches. The findings from this study will answer the assumption that PAS does not champion independence and support for Malays and Islam. In fact, throughout this study, it is shown that the three people mentioned above not only fought for independence but they also showed support for the Malays and Islam. They have also voiced their interest regarding Islamic universality especially in Palestine, Southern Thailand and South Africa.

This study looks at the leadership styles practiced by these three early leaders. Under their leadership, PAS has been successful for almost two decades.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Persatuan Islam Sa-Tanah Melayu atau Parti Islam Sa-Malaysia (PAS) ditubuhkan pada tahun 1951 dan mampu bertahan sehingga hari ini. Dalam tempoh lebih separuh abad ini PAS telah diterajui oleh beberapa orang pemimpin dengan pelbagai latar belakang. PAS pernah suatu ketika dahulu dipimpin oleh pemimpin yang berasal dari Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), kemudian diterajui pula oleh seorang kakitangan awam Persekutuan Tanah Melayu ketika itu. PAS seterusnya menjemput seorang tokoh nasionalis ketika di awal penubuhannya untuk memimpin organisasi ini selama beberapa tahun. Sehingga kini PAS telah dipimpin oleh pemimpin dari golongan ulama dan profesional. Perbezaan latar belakang ini telah mematangkan PAS dalam arus politik negara. Pada awal penubuhannya, PAS berjuang untuk mencapai kemerdekaan negara dengan menekankan perjuangan berteraskan Islam. Sesudah negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, PAS berusaha mengisi kemerdekaan negara dan menubuhkan sebuah negara Islam. Kajian sejarah setakat ini masih belum menekankan aspek kepimpinan awal dan perjuangan menuntut kemerdekaan oleh PAS. Hakikatnya PAS adalah antara parti awal di Tanah Melayu yang berusaha bersama-sama UMNO menuntut kemerdekaan.

Bab ini juga akan membincangkan konsep kepimpinan ulama yang sangat penting kepada PAS. Kepimpinan ulama yang diamalkan oleh PAS sejak era kepimpinan Yang Dipertua Agung pertama hingga kepimpinan Presiden hari ini.

Seterusnya bab ini juga akan menyalurkan rentetan faktor yang membawa kepada timbulnya semangat nasionalisme di kalangan penduduk Tanah Melayu terutamanya di kalangan orang-orang Melayu pada ketika itu. Dalam membincangkan persoalan ini, peranan ulama Timur Tengah tidak dapat diketepikan. Justeru itu perbincangan akan dimulai dengan peranan ulama di Timur Tengah menanam bibit-bibit nasionalisme kepada pelajar dan jemaah haji dari Tanah Melayu. Kupasan juga akan dibuat tentang peranan golongan intelek Melayu.

1.1 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan melihat sejarah perkembangan PAS terutamanya pada era awal penubuhannya dengan memfokuskan kepada kepimpinan tiga tokoh awal PAS iaitu Haji Ahmad Fuad bin Hassan, Dr. Abbas Alias dan Dr. Burhanuddin al-Helmi. PAS pada awal penubuhannya telah melalui pelbagai ranjau politik, dari parti “tok lebai” hingga berjaya memerintah negeri Kelantan dan Terengganu untuk tempoh beberapa tahun.

Kajian ini juga cuba mendedahkan kepada masyarakat bahawa perjuangan menuntut kemerdekaan negara bukan milik individu dan parti politik tertentu sahaja. Umum lebih menekankan peranan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), *Malayan Chinese Association* (MCA) dan *Malayan Indian Congress* (MIC). Manakala peranan tokoh-tokoh lebih memfokuskan Dato' Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman, dan Tun Razak sebagai pejuang utama kemerdekaan negara. Nama-nama seperti Ibrahim Haji Yaacob, Ustaz

Abu Bakar al-Baqir, Ishak Haji Mohamad, Ahmad Boestamam dan Dr. Burhanuddin al-Helmi perlu juga ditonjolkan kepada generasi hari ini. Merekalah antara ribuan individu awal yang memperjuangkan “kemerdekaan.” Akan tetapi nama-nama ini telah dilabelkan golongan kiri¹ dan komunis.

Kajian ini juga cuba meninjau gaya kepimpinan tiga orang tokoh awal PAS ini sama ada mereka cenderung kepada gaya kepimpinan karismatik, demokratik atau *laissez faire*.

1.2 Permasalahan Kajian

PAS merupakan antara parti politik terawal yang ditubuhkan oleh orang Melayu di negara ini bersama-sama dengan beberapa parti politik lain selepas Perang

¹ Golongan Kiri merujuk kepada kumpulan nasionalis yang tidak berkerjasama dengan pihak penjajah dan dianggap dipengaruhi oleh unsur-unsur komunis. Pada ketika ini golongan nasionalis di Tanah Melayu dikelompokkan kepada dua kumpulan iaitu golongan kiri dan Kanan. Golongan Kanan ini dikatakan bekerjasama dengan pihak penjajah dalam mencapai matlamat mereka. Mengikut Dr. Mohamed Salleh Lamry, golongan kiri Melayu boleh dibahagikan kepada 5 kelompok. Kumpulan pertama dikenali sebagai *extreme left* (kiri pelampau). Kumpulan ini memang mempunyai komitmen yang jelas dari segi ideologi kerana mereka terlibat secara langsung dengan PKM. Mereka telah menyusup masuk ke dalam pelbagai organisasi antipihak yang berkuasa. Kelompok kedua dikenali sebagai kiri komited (*committed left*), mereka ini lebih cenderung kepada sosialisme dalam pengertian yang lebih luas atau sekurang-kurangnya ingin melihat perubahan struktur dilakukan terhadap masyarakat Melayu. Sebahagian mereka telah menyertai kiri pelampau selepas darurat diisyiharkan dan sebahagian lagi menyekutukan diri dengan parti politik yang sah seperti PRM. Kumpulan yang ketiga dikenali sebagai kiri Islam (*Islamic left*) seperti golongan yang terlibat dengan Hizbul Muslim. Kelompok keempat pula dikenali sebagai kiri fana (*transient left*), mereka ini ialah orang-orang yang paling mudah membuat penyesuaian. Perjuangan mereka tidak berasas kepada sesuatu ideologi. Mereka hanya inginkan penerimaan. pemimpin SABERKAS pula dimasukkan dalam kategori ini. Kelompok terakhir ialah golongan yang dianggap kiri kerana menentang UMNO, umpannya dalam tahun 1950an mereka ini terdapat dalam Kesatuan Melayu Semenanjung yang dipimpin oleh Ahmad Jamal dan Hashim Ghani dari Melaka. Lihat kertas kerja Dr. Mohamed Salleh Lamry bertajuk *Golongan Kiri dan Perjuangan Ke arah Kemerdekaan*, Kolokium Malaysia Menuju Kemerdekaan, UKM, 3.April.2007. Abdul Rahman Ismail tidak pula membahagikan nasionalis Melayu kepada kiri atau kanan. Beliau menggunakan istilah Aliran Arus Atas, Aliran Arus Bawah dan Aliran Arus Tengah. Bagi beliau Aliran Arus Atas merujuk kepada golongan yang ingin kembali kepada susun atur politik sebelum perang, mereka ini sanggup bekerjasama dengan British. Manakala Aliran Arus Bawah merujuk kepada golongan yang mahu menjayakan sebuah revolusi bagi melahirkan sebuah susun atur politik baru. Aliran Arus Tengah pula merupakan golongan yang menyakini Islam sebagai penyelesaian bagi segala masalah manusia. Lihat tulisan beliau yang bertajuk, Revolusi di Malaysia: Cerakinan Sejarah dlm *Nasionalisme dan Revolusi di Malaysia dan Indonesia*, hlm.92-94.

Dunia Kedua. Kajian ini cuba menjelaskan sebab-sebab penubuhan PAS pada tahun 1951 dan peranan yang telah dimainkan oleh PAS untuk memperolehi kemerdekaan daripada British. Penekanan juga dibuat tentang peranan yang dimainkan oleh PAS selepas negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Akhirnya kajian ini cuba melihat gaya kepimpinan yang telah diamalkan oleh Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan, Dr. Abbas Alias dan Dr. Burhanuddin al-Helmi sepanjang tempoh mereka memimpin PAS.

1.3 Metodologi

Dalam kajian ini, kaedah kualitatif digunakan sebagai satu pendekatan. Maklumat diperolehi melalui sumber primer dan juga sekunder melalui kajian kepustakaan. Sumber ini diperolehi daripada bahan-bahan ilmiah seperti buku-buku dan jurnal. Manakala sumber surat khabar sezaman terutamanya sekitar tahun 1940, 1950 dan 1960 seperti *Utusan Melayu*, *Berita Harian*, *Majlis*, *Kritik*, *Suara UMNO*, *Suara Islam*, *Qalam*, *Bulan Bintang*, *The Straits Times*, *Mastika* dan *The Sunday Times*. Turut juga dirujuk artikel-artikel yang berkaitan PAS daripada majalah ilmiah, kertas kerja seminar, kolokium dan tesis. Manakala sumber-sumber pertama berupa dokumen-dokumen rasmi PAS, dokumen rasmi kerajaan, sumber-sumber British seperti *Malayan Security Services* (MSS) 1946-1948, *Malayan Security Service. Political Intelligence Journal. Issued Fortnightly. Serial No. 1/1946. MSS Ind. S 251, Colonial Office (CO537, CO1022)*, dokumen-dokumen UMNO, surat-surat persendirian pemimpin-pemimpin PAS seperti surat persendirian Haji Hassan Adli kepada Dr. Burhanuddin al-Helmi, surat persendirian Profesor Zulkifli Mohamad kepada

bapanya yang diperolehi di Arkib Negara Malaysia. Carian internet dalam beberapa laman web juga turut dirujuk.

Di samping itu temubual juga dijalankan dengan tokoh-tokoh tertentu yang dikira boleh memberikan maklumat yang berguna. Pengkaji melakukan temubual dengan tokoh yang hidup sezaman dengan Dr. Burhanuddin al-Helmi iaitu Tuan Haji Mahmud, bekas Pesuruhjaya PAS negeri Perlis. Bekas Timbalan Presiden PAS, Ustaz Hassan Shukri juga turut ditemubual. Pengkaji juga menemubual penulis dan Ahli Jawatankuasa PAS Pusat, Ustaz Subky Latif.

Maklumat dan bahan kajian yang diperolehi dianalisis secara terperinci dan dibincang secara kritis bagi memperoleh satu dapatan kajian yang baik dan boleh dimanfaatkan oleh semua orang.

1.4 Skop Kajian

Fokus dalam kajian ini adalah kepimpinan PAS pada tahap-tahap awal penubuhannya yang melibatkan tiga tokoh utama iaitu Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan (1951-1953), Dr. Abbas Alias (1953-1956) dan Dr. Burhanuddin al-Helmi (1956-1969). Penelitian akan diberikan kepada perjuangan mereka bersama PAS menuntut kemerdekaan negara daripada tangan penjajah British dan seterusnya perjuangan mengisi kemerdekaan yang telah dikecapi mulai 31 Ogos 1957. Pengkaji tidak memasukkan kepimpinan PAS yang terkemudian

misalnya Mohd Asri Muda kerana perbincangan terhadap tokoh ini telah banyak dilakukan oleh pengkaji lain.

Tempoh masa kajian ini dipilih adalah dari tahun 1951 hingga 1970 kerana ia merupakan tempoh masa yang penting pada tahap awal penubuhan PAS. PAS pada masa ini berubah daripada parti tok lebai menjadi sebuah parti yang kuat dan mampu memerintah Kelantan dan Terengganu. Tempoh masa ini juga penting dalam sejarah perjuangan menuntut kemerdekaan dan pengisian kemerdekaan negara.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting memandangkan PAS merupakan sebuah parti yang besar dan berpengaruh di kalangan orang Melayu di negara ini. Perjuangan menuntut kemerdekaan yang telah dimainkan oleh parti ini tidak begitu ditonjolkan dalam lipatan sejarah negara. Kajian ini akan cuba mendedahkan kepada pembaca perjuangan dan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh PAS sejak penubuhannya hingga negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Kajian ini meliputi zaman kepimpinan Haji Ahmad Fuad Hassan, Dr. Abbas Alias dan Dr. Burhanuddin al-Helmi. Malah kajian ini juga mengupas perjuangan mereka sesudah negara mencapai kemerdekaan.

Akhirnya kajian ini penting sebagai sumbangan kecil pengkaji dalam menambah khazanah ilmu dalam bidang sejarah politik. Dapatkan kajian ini

diharapkan dapat membantu generasi muda hari ini supaya memahami sejarah perjuangan menuntut kemerdekaan negara.

1.6 Kajian Lepas

Kajian tentang PAS bukanlah satu kajian yang baru dalam dunia ilmiah. Bukan sahaja para ilmuan terdahulu ataupun terkini sahaja yang mengkaji mengenai PAS, bahkan turut dikaji sendiri oleh beberapa pimpinan PAS bagi menjelaskan asas-asas penubuhan dan perjuangan PAS supaya semangat perjuangan PAS dihayati sepenuhnya oleh setiap ahli dan pendokongnya. Dalam perbincangan ini kajian lepas boleh dikategorikan kepada kajian yang bersifat akademik, penulisan politik dan penulisan oleh pimpinan PAS atau ahli PAS.

a. Penulisan Bersifat Akademik

Nabir Abdullah (1976) dalam bukunya *Maahad II Ihya AsSyarif Gunung Semanggol 1934-1959*, diterbitkan oleh Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi banyak menyentuh tentang asas-asas penubuhan PAS. Asas penubuhan ini dimulai dengan pembukaan Maahad II Ihya As Syarif oleh Ustaz Abu Bakar al-Baqir hingga terwujudnya Hizbul Muslimin (HAMIM) sebagai parti Islam pertama di Persekutuan Tanah Melayu yang memperjuangkan kemerdekaan negara ini dari penjajahan British. Menurut Nabir, PAS adalah lanjutan HAMIM yang diharamkan oleh kerajaan British kerana dianggap merbahaya. Nabir tidak memfokuskan perbincangan kepada

kepimpinan Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan, Dr. Abbas Alias dan Dr. Burhanuddin al-Helmi dalam PAS.

Kamaruddin Jaffar dalam beberapa karyanya seperti *Dr. Burhanuddin Al-Helmi: Politik Melayu dan Agama*, terbitan tahun 1980 oleh Yayasan Anda dan *Dr. Burhanuddin al-Helmi: Pemikiran dan Perjuangan*, terbitan tahun 2000 banyak membincangkan tentang ketokohan Dr. Burhanuddin al- Helmi serta perjuangan PAS. Buku-buku ini tidak memfokuskan perbincangan kepimpinan ketiga-tiga pemimpin PAS pada tahap awal ini. Namun begitu aspek kepimpinan dan falsafah perjuangan Dr. Burhanuddin al-Helmi dapat diketahui.

Ramlah Adam, seorang lagi sarjana tempatan dan penulis biografi turut menulis tentang PAS terutamanya kajian ke atas pemimpin ketiga PAS iaitu Dr. Burhanudin al-Helmi. Antara karya beliau ialah *Burhanuddin Al-Helmi: Suatu Kemelut Politik*, diterbitkan pada tahun 1996 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Buku ini membincangkan latar belakang Dr. Burhanuddin al-Helmi dari zaman remaja hingga detik beliau meninggal dunia. Buku ini nampak lengkap perbincangannya. Namun begitu dari sebelas bab hanya bab 8 hingga bab 11 baru membincangkan sejarah pembabitan Dr. Burhanuddin al-Helmi dalam PAS dan seterusnya perjuangan Dr. Burhanuddin al-Helmi dalam PAS. Sama seperti buku tulisan Kamaruddin Jaffar, buku ini tidak membincangkan kepimpinan PAS di bawah pemimpin pertama dan kedua. Dalam bukunya yang lain Ramlah Adam secara khusus membincangkan kepimpinan Dr. Burhanuddin al-Helmi sebagai sebahagian daripada keseluruhan kandungan buku itu, hal ini dibincangkan di bawah tajuk *Kepimpinan Politik Melayu 1945-*

1957:Satu rujukan kepada Dato' Onn, Dr Burhanuddin al-Helmi dan Ahmad Boestamam dalam buku *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, terbitan Universiti Malaya, tahun 2004. Ramlah Adam cuba membandingkan kepimpinan Dr. Burhanuddin al-Helmi, Dato Onn Jaafar dan Ahmad Boestamam. Ramlah Adam juga secara sepintas lalu membincangkan hal Dr. Burhanuddin al-Helmi dalam beberapa bukunya yang lain seperti buku *Dato Onn Jaafar: Pengasas kemerdekaan*, diterbitkan pada tahun 1992, buku *Ahmad Boestamam, Sebuah Biografi Politik*, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, tahun 1994 dan *Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra*, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, tahun 2004. Penelitian yang dijalankan menunjukkan buku-buku Ramlah Adam tidaklah memfokuskan kajiannya terhadap PAS, apa yang ditulis oleh Ramlah Adam adalah perjuangan tokoh-tokoh tertentu. Persoalan tentang PAS hanya disebut secara tidak langsung apabila dia membicarakan tokoh-tokoh itu.

Safie Ibrahim (1981) dalam bukunya *The Islamic Party of Malaysia: Its Formative Stages and Ideology*, terbitan Nuawi Ismail banyak membicarakan tentang sejarah penubuhan PAS. Safie Ibrahim juga membincangkan ideologi perjuangan PAS. Dua buah buku Alias Muhammad iaitu *PAS' Platform: Development and Change 1951-1986* dan *Malaysia's Islamic Opposition: Past, Present and Future*, diterbitkan oleh Gateway Publishing House menghuraikan sejarah penubuhan PAS hingga tahun-tahun 1980an. Aspek kepimpinan ketiga-tiga tokoh yang dikaji tidak diperjelaskan dengan lengkap.

Farish A. Noor, *Islam Embedded : The Historical Development of Pan-Malaysian Islamic Party, PAS (1951-2003)*, terbitan Malaysian Sociological Research Institute, 2004 agak menyeluruh perbincangannya dan tempoh perbincangannya juga panjang iaitu sejak penubuhan PAS hingga tahun 2003. Buku ini diterbitkan dalam dua jilid. Walaupun agak menyeluruh tapi konsep-konsep kepimpinan tidak dibincangkan dan beberapa fakta tentang penahanan Dr. Burhanuddin al-Helmi dalam penjara di bawah ISA amat sedikit dibincangkan. Sumber primer dari catatan tangan Dr. Burhanuddin al-Helmi tidak dirujuk oleh Farish A. Noor.

Selain sarjana tempatan kajian tentang PAS turut menarik minat ilmuan Barat. Funston (1980) *Malay Politics in Malaysia: A Study of UMNO and PAS*, diterbitkan oleh Heinemann Educational Books (Asia) Ltd telah menganalisis perkembangan politik di Malaysia dengan memberi tumpuan kepada UMNO dan PAS. Dalam kajiannya, beliau mendapati terdapat beberapa perbezaan yang jauh antara UMNO dan PAS. Dari sudut penubuhan, Funston berpendapat PAS ditubuhkan rentetan daripada pengaruh dan semangat gerakan Islah Islamiyah di Timur Tengah dan di Indonesia, kesedaran untuk membebaskan tanah air dari cengkaman penjajah. UMNO pula ditubuhkan di atas kesedaran politik orang Melayu yang melihat kuasa Raja-Raja Melayu yang akan terhakis ekoran daripada cadangan penubuhan *Malayan Union*² oleh penjajah British pada tahun 1946. Perbezaan tujuan penubuhan membawa kepada perbezaan perjuangan kedua parti orang Melayu ini.

Buku *Radical Malay Politics: Its Origin and Early Development*, tulisan Firdaus Abdullah (1985), diterbit oleh Pelanduk Publication banyak membicarakan perkembangan semangat kebangsaan di kalangan orang Melayu di Tanah Melayu. Menurut Firdaus Abdullah perjuangan PAS banyak disertai oleh anak-anak muda yang menerima pendidikan di Timur Tengah. Gerakan Islah di bawah pimpinan Jamaludin al-Afghani dan Sheikh Muhamad Abduh banyak mempengaruhi semangat nasionalisme Melayu. Buku ini tidak membincangkan secara mendalam pimpinan PAS di tahap awal, 1951 hingga 1970.

William R.Roff (2003) *Nasionalisme Melayu*, terjemahan Ahmad Boestamam hanya menyentuh asas kelahiran nasionalisme Melayu di Persekutuan Tanah Melayu. Dapatan beliau memperlihatkan asas penubuhan PAS digerakkan oleh pengaruh dari Timur Tengah, digarapkan perkembangan pendidikan pondok dan akhirnya membawa kepada penubuhan Hizbul Muslimin (HAMIM) dan PAS.

Kamarulnizam Abdullah (2003), *The Politics of Islam in Contemporary Malaysia*, Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia menjelaskan rentetan pengaruh ulama Timur Tengah dalam menggerakkan semangat nasionalisme Melayu. Buku ini amat sedikit membicarakan kepimpinan PAS di awal penubuhannya. Kamarulnizam Abdullah banyak membicarakan era selepas Mohd Asri Muda hingga zaman Mahathir Mohamad.

² Malayan Union akan menggabungkan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat. Manakala Singapura diasingkan daripada pentadbiran Malayan

Gordon Paul Means (1970), *Malaysian Politics*, tidak banyak menyebut tentang PAS, hanya sedikit tentang penglibatan PAS dalam pilihanraya yang diadakan terutamanya pada tahun 1955. Aspek kepimpinan tidak disentuh oleh Means.

Ahmad Kamar (1980), *Islam Tercabar: Satu Pandangan Terhadap Perjuangan PAS*, terbitan Pustaka Ilmu, jelas memperkatakan tentang perjuangan PAS dari awal penubuhannya. Ariffin Omar (1993), *Bangsa Melayu: Malay Concepts of Democracy and Community 1945-1950*, terbitan Oxford University Press tidak membincangkan secara khusus tentang kepimpinan dalam PAS. Namun begitu penulis menceritakan tentang perjuangan Dr Burhanuddin al-Helmi dalam PKMM sebelum memimpin PAS pada tahun 1956.

Turut memperkatakan tentang perjuangan PAS tapi tidak memfokuskan kepada kepimpinan awal ini ialah Kassim Thukiman (2002), *Malaysia : Perspektif, Sejarah dan Politik*. Penulis telah menyusurgalurkan perkembangan sejarah Malaysia dari zaman Kesultanan Melayu Melaka hingga era penubuhan Malaysia. Dalam rentetan ini, penulis menceritakan penubuhan, perkembangan dan penglibatan PAS dalam pilihanraya terutamanya pilihanraya tahun 1955.

Mohamad Redzuan Othman, melalui tulisannya bertajuk *Pengaruh Timur Tengah Dalam Perkembangan Awal Kesedaran Politik Melayu*, menghuraikan perkembangan semangat kebangsaan di Persekutuan Tanah Melayu dengan mengaitkannya dengan pengaruh gerakan pembaharuan Islam di Timur Tengah. Beliau menjelaskan peranan yang dimainkan oleh mereka yang

mendapat pendidikan di Timur Tengah apabila kembali ke tanah air. Tulisan beliau ini dimuatkan dalam kumpulan eseи bersempena persaraan Khoo Kay Kim, terbitan Universiti Malaya, tahun 2001.

Kamarul Zaman Yusoff dalam bukunya *Perjuangan Penuh Cabaran* terbitan Qamar Publishing, tahun 1999 memuatkan sejarah perjuangan PAS berdasarkan beberapa artikel yang ditulis oleh pemimpin-pemimpin PAS. Dari 16 artikel yang dimuatkan dalam buku ini hanya 5 artikel yang memenuhi ruang kajian ini. Artikel 1, sepucuk surat yang telah dihantar oleh Dato' Haji Mohd Asri Muda kepada Dr. Haji Abbas Alias bertarikh 28 Februari 1955. Artikel 2, sebuah kata-kata aluan yang terkandung di dalam buku cenderamata Muktamar Agung PAS Yang Keempat yang telah dilangsungkan di Madrasah Ahmadiah, Bunut Payung, Kota Bharu, Kelantan pada Disember 1955. Artikel 3, sebuah rencana bertajuk ‘penerangan dan persoalan’ yang dikarang oleh Haji Khadir Khatib, Ketua Badan Perhubungan PAS Negeri Kelantan. Artikel 4, sebuah ucapan yang telah disampaikan oleh Zulkifli Mohamad pada perjumpaan pertama beliau dengan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri PAS Kelantan bertempat di kediaman rasmi Menteri Besar Kelantan pada 4 Mei 1964 dan artikel 5, sebuah ucapan dasar yang telah disampaikan oleh Dato' Haji Mohd Asri bin Muda, Pemangku Yang Dipertua Agung PAS, di dalam Muktamar Agung PAS Yang Keempat Belas yang telah dilangsungkan di Taiping, Perak pada Ogos 1966.

Islam and Politics In a Malay State Kelantan 1838-1969 oleh Clive S. Kessler , terbitan Cornell University Press, tahun 1978 juga membincangkan tentang perjuangan PAS. Namun begitu buku ini banyak membincangkan PAS

di Kelantan. Begitu juga dengan buku tulisan Chandra Muzaffar, *Islamic Resurgence In Malaysia*, terbitan Fajar Bakti, tahun 1987. Buku ini membicarakan perkembangan Islam di Malaysia. Chandra Muzaffar membincangkan perjuangan PAS dan konflik yang berlaku antara PAS dan UMNO.

Buku K.J Ratnam yang berjudul *Paham Perkauman dan Proses Politik di Malaya* (terjemahan Kassim Ahmad) terbitan University of Malaya Press, tahun 1969, turut membincangkan tentang PAS di bawah tajuk parti-parti politik dan pemilihan umum tahun 1955 dan tahun 1959. Di bawah tajuk pemilihan tahun 1955 dan tahun 1959, penulis telah membuat analisis tentang kejayaan dan kekalahan parti-parti yang bertanding termasuk PAS di bawah kepimpinan Dr. Burhanuddin al-Helmi dalam tahun 1959.

Kajian tentang PAS berbentuk penulisan tesis antaranya ialah kajian tentang Konsep *Negara Islam Yang Diperjuangkan Oleh PAS Dalam Konteks Politik Malaysia Hari Ini* oleh Mohd Misbahul Munir Masduki, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, tahun 2003. Kajian ini lebih memfokuskan konsep negara Islam yang diperjuangkan oleh PAS. Namun begitu pengkaji juga turut membincangkan ideologi, dasar, matlamat dan perjuangan PAS.

Kajian Azhar Yaakub @ Ariffin, Universiti Malaya tahun 2005 yang bertajuk *Strategi Dakwah Rasullah Dalam Pembentukan Negara:Kajian Pelaksanaanya Oleh PAS*, menjelaskan dasar-dasar dan matlamat perjuangan

PAS. Namun begitu beliau tidak membincangkan secara khusus kepimpinan pemimpin-pemimpin PAS yang awal ini.

b. Penulisan Politik

Alias Mohamad (1982), *Wasiat Nasionalisme Melayu*, terbitan Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, dalam bab 5 buku ini penulis menulis tentang asas-asas perjuangan PAS. Alias membincangkan aspek nasionalisme, sosialisme dan Islam. Dalam bukunya yang lain iaitu *Sejarah Perjuangan Parti PAS: Satu Dilema*, terbitan Utusan Publication & Distributors tahun 1978, Alias turut membincangkan krisis kepimpinan yang wujud dalam PAS. Menurut Alias lagi, krisis ini sebenarnya wujud sejak PAS ditubuhkan pada tahun 1951. Parti ini telah mengalami pelbagai masalah terutama dalam keupayaannya untuk mengekalkannya sebagai sebuah parti politik yang terbesar yang mempunyai pengaruh di kalangan orang Melayu. Akan tetapi dalam perhitungan ini PAS ternyata menghadapi kesulitan kepimpinan. Sejak dua orang pemimpin besarnya, Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Profesor Zulkifli Mohamad meninggal dunia, PAS mula menghadapi krisis kepimpinan, mula-mula di Terengganu dan kemudiannya di Kelantan.

Mohamad Petah (1983), *Zulkifli Muhamad: Pelopor Angkatan Islam di Malaysia*, terbitan Tra-Tra banyak membincangkan peranan Zulkifli Mohamad dalam PAS era pimpinan Dr. Burhanuddin al-Helmi. Penulis juga membincangkan kepimpinan Dr. Burhanuddin al-Helmi dalam PAS. Gandingan mereka berdua telah membawa PAS ke era kegembilangan sehingga berjaya

menawan Dewan Undangan Negeri Kelantan dan Terengganu dalam pilihanraya tahun 1959.

Bactiar Djamily (1976), *Kenapa PAS Boleh Jadi PAS*, diterbit oleh Cerma Rafleswaty menyentuh sejarah penubuhan dan perjuangan PAS. Penulis juga membincangkan dasar-dasar perjuangan PAS.

Ibrahim Ahmad (1989), *Konflik UMNO-PAS Dalam Isu Islamisasi*, terbitan IBS Buku Sdn Bhd, menekankan perbezaan dasar perjuangan antara UMNO dan PAS. Menurut Ibrahim Ahmad, Islam adalah dasar perjuangan PAS sebagaimana tercatat dalam perlembagaan PAS fasil 3. UMNO pula tebal dengan semangat nasionalismenya. Penulis juga membincangkan sejarah penubuhan PAS.

Buku Abdul Halim Mahmood yang berjudul *PAS Pimpinan Baharu : Falsafah dan Perjuangan* menumpukan perbincangan era kepimpinan Mohd Asri Muda di samping mengalurkan juga perjuangan PAS sebelum Mohd Asri Muda.

Melalui buku-buku yang ditulis oleh Ahmad Boestamam sedikit sebanyak latar belakang, sikap dan pegangan politik Dr. Burhanuddin al-Helmi boleh diketahui. Ini kerana kedua mereka begitu rapat sejak dari dalam PKMM hingga masing-masing memimpin parti yang berbeza. Ahmad Boestamam menulis buku *Merintis Jalan Ke Puncak* (1972), terbitan Pustaka Kejora, Kuala Lumpur dan *Dr. Burhanuddin Putera Setia Malaya* (1972), terbitan Pustaka

Kejora, Kuala Lumpur. Kedua-dua buah buku ini menyebut tentang Dr. Burhanuddin al-Helmi tapi lebih kepada era kepimpinan beliau dalam PKMM.

Asri Dalam Dilema, tulisan Abdul Halim Mahmood, terbitan Hafar Enterprise, tahun 1983 membincangkan PAS dalam era kepimpinan Datuk Mohd Asri Muda. Namun begitu Abdul Halim juga membincangkan sejarah awal penubuhan PAS tapi tidak memfokuskan kepada kepimpinan Yang Dipertua Agung pertama hingga ketiga.

c. Penerbitan / Penulisan PAS

Memoir Politik Asri: Meniti Arus, sebuah memori kepimpinan Mohd Asri Muda dalam PAS. Dalam buku ini dijelaskan kerja-kerja membawa masuk Dr. Burhanuddin al-Helmi ke dalam PAS dan seterusnya memimpin PAS. Perjuangan Dr. Burhanuddin al-Helmi dimemorikan oleh Mohd Asri Muda dalam memoirnya ini. Buku ini banyak mengisahkan kepimpinan Mohd Asri Muda semasa memimpin PAS.

Nasharudin Mat Isa seorang ahli akademik, bekas pensyarah di Fakulti Pengajian Islam, UKM, kemudian terlibat aktif dalam PAS, kini menjawat jawatan Timbalan Presiden PAS dalam bukunya yang bertajuk *50 Tahun Mempelopori Perubahan: Menyingkap Kembali Perjuangan PAS 50 Tahun*, Nasharudin Mat Isa menganalisis PAS dari sudut sejarah perjuangannya sejak ditubuhkan pada tahun 1951 hingga 2001. Nasharudin mengimbau sejarah perjuangan umat Islam dalam usaha membebaskan tanah air dari belenggu

penjajahan melalui pertubuhan yang diasaskan oleh Ustaz Abu Bakar Baqir di Gunung Semanggol hingga akhirnya melahirkan PAS. Dalam buku ini juga diperjelaskan dasar-dasar perjuangan PAS secara perbandingan dengan UMNO.

Nampaknya dalam usaha memperjelaskan perjuangannya, PAS melalui Panel Pengkaji Sejarah telah mengambil inisiatif menerbitkan sebuah buku bertajuk *PAS Dalam Arus Perjuangan Kemerdekaan*. Buku ini ditulis oleh sekumpulan Panel Pengkaji Sejarah, Pusat Penyelidikan PAS Pusat, diterbitkan pada tahun 1999. Buku ini terarah kepada perbincangan perjuangan PAS menuntut kemerdekaan. Ia seperti satu usaha memberitahu khalayak bahawa PAS juga terbabit memperjuangkan kemerdekaan negara.

Seorang lagi pimpinan PAS yang terlibat dalam penulisan tentang parti ini ialah Suhaimi Ahmad, bekas Ahli DUN Baling (1999-2004). Beliau menulis buku yang bertajuk *Mengapa Kita Sertai PAS?* diterbitkan oleh Lajnah Kebajikan PAS Kedah tahun 2003. Suhaimi mengalurkan sejarah penubuhan dan perjuangan PAS. Turut dijelaskan tentang kepimpinan PAS di bawah pimpinan ulama. Padanya, PAS sejak penubuhannya diasas dan dipimpin oleh ulama.

Dr. Burhanuddin al-Helmi sendiri menulis beberapa buah buku. Buku *Falsafah Kebangsaan Melayu* (1954) yang ditulis dalam tulisan jawi, diterbitkan oleh Pustaka Semenanjung, Bukit Mertajam. Dr Burhanuddin al-Helmi banyak menjelaskan ideologi yang dipegangnya terrutamanya perjuangan meletakkan

bangsa Melayu sebagai tonggak bangsa, negara Tanah Melayu yang merdeka. Dalam buku *Perjuangan Kita* (1946), diterbitkan oleh PKMM, Singapura, Dr. Burhanuddin al-Helmi membicarakan tentang perjuangan orang Melayu terutamanya dalam menegakkan Kebangsaan Melayu.

Buku Fadzil Mohd Noor, Presiden PAS yang bertajuk *Aqidah dan Perjuangan* yang diterbitkan pada tahun 2003 oleh Dewan Pustaka Fajar, Shah Alam, membincangkan kepimpinan ulama yang menjadi teras dalam PAS. Peranan ulama sebagai pemimpin umat dibincangkan dengan dalil dan hadis tertentu.

Melalui buku Ucapan Pembukaan Kongres PAS Yang Ke XVII di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 18 Jun 1971 oleh Pemangku Yang Dipertua Agong PAS, Dato' Mohd Asri Muda beberapa maklumat perjuangan PAS boleh diperolehi. Dalam ucapan ini Dato' Mohd Asri menjelaskan beberapa perjuangan PAS sejak dari awal penubuhannya dan penglibatan PAS dalam pilihanraya terutamanya pilihanraya tahun 1969 iaitu pilihanraya terakhir di era kepimpinan Dr. Burhanuddin al-Helmi.

PAS juga menerbitkan beberapa buah buku edisi khas bersempena Muktamar Tahunannya, misalnya bagi Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-52 sebuah buku bertajuk, *Tinta Emas PAS Kedah* telah diterbitkan oleh Badan Perhubungan PAS Negeri Kedah. Dalam buku cenderamata ini dimuatkan sejarah perjuangan PAS terutamanya PAS Kedah, perjuangan tokoh-tokoh PAS Pusat yang berasal dari Kedah pada era Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan

dan Dr. Burhanuddin al-Helmi, antaranya ialah artikel tentang Tuan Haji Othman Al-Yunusi, pengasas PAS Kedah dan artikel Dato' Abu Bakar Omar, Pesuruhjaya PAS Kedah dan artikel tentang Tuan Guru Haji Yahya Junid, orang yang bertanggungjawab menubuhkan ranting PAS yang pertama di Kedah iaitu ranting Bukit Besar.

Abu Bakar Hamzah, seorang wakil rakyat PAS menjelaskan konsep kepimpinan ulama dalam bukunya *Konsep Kepimpinan Ulamak Dalam Politik*. Abu Bakar Hamzah menjelaskan konsep kepimpinan ulama dan ciri-ciri seseorang ulama. Buku *Konsep Kepimpinan Ulamak Dalam Politik* ini diterbitkan oleh Pustaka Zakry Abadi, tahun 1983. Abu Bakar Hamzah juga dalam bukunya yang lain *iaitu Al-Imam: Its Role In Malay Society 1906-1908*, diterbitkan oleh Pustaka Antara pada tahun 1991, mendedahkan usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh *al-Imam* untuk membangkitkan kesedaran kebangsaan di kalangan pembacanya terutamanya orang Melayu di Tanah Melayu ketika itu.

Dalam tulisan Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif, *PAS 1951-1991, Cabaran, Pemantapan dan Misi*, terbitan Jabatan Penerangan PAS Pusat, 1991 menyebut bahawa kelahiran PAS bermula pada tahun 1906, PAS tidak lahir dari rusuk UMNO. Penulisan beliau menyimpang daripada pandangan ramai yang menganggap PAS lahir dari UMNO.

1.7 Masalah Penyelidikan

Sepanjang tempoh menyiapkan kajian ini masalah sumber merupakan halangan utama terutamanya kesukaran untuk mendapatkan sumber primer. Dalam beberapa kes, sumber primer yang terdapat di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur seperti suratkhabar yang melaporkan peristiwa sezaman telah mengalami kerosakan. Akhbar ini penting sebagai rujukan utama kerana ia melaporkan peristiwa yang berlaku semasa PAS ditubuhkan dan perkembangannya.

Pengkaji juga menghadapi masalah untuk menemubual sahabat karib sezaman tokoh kajian. Tidak ramai yang masih hidup. Jika ada pun, mereka uzur. Bagi mendapatkan maklumat yang tepat pengkaji telah merakamkan perbualan dengan tokoh yang ditemubual ini dan membuat transkripsi.

1.8 Konsep Kepimpinan

Perkataan kepimpinan berteraskan kata dasar pemimpin. Pemimpin boleh ditafsirkan sebagai,³

“...individuals in social system claim to exercise command over other and gain acceptance of their claims and obedience to their directives.”

³ Max Weber, 1968. *Economy and Society*. New York: Bedminster Press, hlm. 213.

Dengan kata lain pemimpin adalah seorang individu dalam sesuatu kelompok masyarakat atau organisasi yang diberikan tanggungjawab mengarah dan menyelaras aktiviti untuk mencapai matlamat organisasi atau kumpulan seperti yang telah ditetapkan.⁴

Dalam Bahasa Inggeris kepimpinan merujuk kepada perkataan '*leadership*'.⁵ Ia berasal dari akar kata pimpin dan kata terbitnya ialah pimpinan. Definisi yang diberikan kepada istilah pimpinan ialah mengepalai atau mengetuai sesebuah badan atau pertubuhan, pergerakan, mesyuarat atau sesebuah organisasi.⁶ Pemimpin juga boleh dirujuk sebagai orang yang mempunyai kemampuan untuk mempengaruhi perlakuan orang lain melalui pemikiran, kedudukan, perkataan dan tindakan.⁷

Seorang pemimpin mestilah mempunyai pengikut. Pengikut ini sangat penting kerana tanpa mereka, idea dan kebolehan pemimpin itu tidak akan dihargai dan dipuja. Semakin dalam pengaruh yang dapat ditanam oleh pemimpin itu semakin ramailah pengikutnya. Apabila ini berlaku pemimpin itu akan dilihat oleh pengikutnya sebagai seorang yang sangat istimewa dengan

⁴ Ibrahim Mamat, 2001. *Pengetua Sekolah Menangani Isu-Isu dan Cabaran Kepimpinan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman, hlm. 101.

⁵ Leadership membawa pengertian sebagai "...a process by which a person influences others to accomplish an objective and directs the organization in a way that makes it more cohesive and coherent." Bass (1989&1990) ada tiga cara yang menerangkan bagaimana seseorang itu boleh jadi pemimpin (*leaders*), iaitu "...some personality traits may lead people naturally into leadership roles. This is the Trait Theory. A crisis events or important event may cause a person to rise to the occasion, which brings out extraordinary leadership qualities in an ordinary person. This is the Great Events Theory, people can choose to become leaders. People can learn leadership skills. This is the Transformational Leadership Theory. It is the most widely accepted theory and the promise on which this guide is based. Lihat laman web <http://www.nmlink.com/~donclark.leader/leadcon.html>.

⁶ Muhyidin Aziz, Kepimpinan Ulamak Dalam PAS: Satu Analisis", Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1996. hlm. 2

⁷ Jemaie Hamil, 2006. Dinamika kepimpinan UMNO dlm Ghazali Mayudin (ed) *Demokrasi Kepimpinan dan Keselamatan*. Bangi: Penerbitan UKM, hlm. 106.

sifat yang kadang-kadang bersifat luar biasa daripada manusia lainnya. Willner menyatakan,⁸

“Leaders frequently are believed by their followers to have skills or qualities necessary to accomplish tasks or further goals important to them. Leaders are often perceived by their followers to possess qualities regarded as admirable in their particular cultures such as wisdom, foresight, firmness, benevolence, quite strength of character or subtlety.”

Ada yang berpendapat seorang pemimpin itu adalah manusia agung zamannya. Keagungannya menyebabkan zamannya sungguh bermakna, penting dan menonjol sekali. Namun begitu ada kalanya keagungan itu dikenang dan dianggap suatu yang besar pada zaman terkemudiannya. Manusia agung ini mengikut E.E. Jenning dibahagikan kepada tiga iaitu ‘superman’, ‘hero’ dan ‘prince’. *Superman* merujuk kepada seorang pemimpin yang berupaya mengubah nilai lama atau idea lama yang telah sebati dalam masyarakatnya dengan idea dan nilai baru. Nilai atau idea baru ini kemudiannya diterima oleh masyarakat sezamannya atau sesudahnya dan menjadi ikutan mereka. Pemimpin yang bersifat *hero* pula merujuk kepada seseorang pemimpin yang menumpukan perjuangannya ke arah cita-cita dan matlamat yang luhur. Akhirnya pemimpin yang disifatkan sebagai *prince* merujuk kepada pemimpin yang berusaha menguasai dan mempengaruhi orang lain. Dia dianggap sebagai pemburu kuasa atau *power seeker*.⁹

⁸ Ann Ruth Willner, 1984. *The Spellbinders Charismatic Political Leadership*. London: Yale University Press, hlm. 7.

⁹ E.E. Jenning, 1972. *An Anatomy of Leadership Princes, Heroes and Superman*. New York: McGraw Hill Book Company, hlm.1.

Seorang ahli ekonomi dan sosiologi terkenal iaitu Max Weber telah membahagikan pemimpin kepada tiga golongan iaitu ‘*Legal Authority*’, ‘*Traditional Authority*’ dan ‘*Charismatic Authority*’. *Legal Authority* adalah kepimpinan yang muncul daripada penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang telah diterima dan dilembagakan oleh sebuah masyarakat.

Traditional Authority pula memperlihatkan kemunculan dan kekuatan kepimpinan itu berdasarkan kepada unsur dan kerangka tradisional dalam masyarakatnya. Ini bermakna kepimpinan itu dapat diterima oleh anggota masyarakatnya berdasarkan status tradisional yang diwarisinya. Manakala *Charismatic Authority* merujuk kepada seseorang yang berjaya memimpin pengikutnya atas dasar karisma yang ada padanya.¹⁰

Kepimpinan pula merujuk kepada pengaruh hubungan peribadi, kuasa dan tujuan.¹¹ Gehan Wijeyawardene menjelaskan konsep kepimpinan seperti berikut,¹²

“...leadership has been in relation to group activities in specific situations. It does not reside in individual having specific traits but rather in the acts which help to (a) achieve its objectives, and (b) maintain its existence, i.e a group remains a unit in which the members continue to interact and to derive satisfaction from doing so.”

¹⁰ Max Weber, 1969. *The Theory of Social and Economic Organization*. Edited With An Introduction By Talcott Parsons. London. Edisi Keenam. The Free Press, hlm. 341.

¹¹ Aminuddin, Erti kepimpinan Politik dan Masyarakat Melayu, Kertas kerja ini dibentangkan dalam Seminar Kepimpinan Politik Malaysia 16-17 Julai 1996, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2006, hlm. 107.

¹² Gehan Wijeyewardence (ed), 1968. *Leadership and Authority:a Symposium*. Kuala Lumpur: University Malaya Press, hlm. 83-101.